

28 DEC 1998

Mahathir-Hartanah

DR MAHATHIR LANCAR PAMERAN HARTANAH

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pameran hartanah sempena Kempen Pemilikan Rumah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Pameran selama tujuh hari itu adalah susulan kepada cadangan Dr Mahathir semasa melancarkan kempen itu pada 12 Dis agar satu pameran diadakan.

Dr Mahathir yang tiba pada pukul 5.15 petang terus melawat gerai-gerai pameran.

Semasa pelancaran kempen sebulan itu, Dr Mahathir berkata pameran yang dicadangkan itu membolehkan bakal-bakal pembeli melihat sendiri model-model rumah, kedai, kilang dan membuat pertanyaan serta merta dan memperolehi semua maklumat berkaitan hartanah berkenaan di satu lokasi pusat.

Lapan puluh empat pemaaju hartanah, 17 syarikat kewangan, 28 bank dan tujuh syarikat insurans serta beberapa jabatan kerajaan mengambil bahagian pada pameran itu. Sebanyak 171 gerai pameran disediakan.

Pameran seumpamanya telah diadakan di Johor dan Pulau Pinang sebelum ini.

Kempen Pemilikan Rumah itu dianjurkan kerajaan dengan kerjasama Bank Negara, Persatuan Pemaaju Perumahan dan Persatuan Bank-bank di Malaysia untuk mencergaskan semula sektor harta dalam usaha pemulihan ekonomi negara.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia Datuk Amirsham A. Aziz dan Presiden Persatuan Pemaaju Perumahan Malaysia (HDAM) Eddy Chen.

Lebih 300 pemaaju hartanah terlibat dalam kempen itu dengan anggaran nilai hartanah melebihi RM5 bilion. Nilai jualan pada minggu pertama telah melebihi RM1 bilion.

Beberapa insentif disediakan sempena kempen itu, termasuk potongan harga di antara 10 hingga 20 peratus, pembiayaan pinjaman perumahan sehingga 95 peratus oleh bank dan institusi kewangan.

Kerajaan juga melonggarkan syarat pinjaman kepada kakitangan sektor awam berjawatan tetap yang belum disahkan jawatan. Mereka yang bekerja selama satu tahun kini layak memohon pinjaman perumahan kerajaan dalam tempoh sebulan itu.

-- BERNAMA

AR AKD